

Pemuda Pas cabar Kuan Yew berdebat

KUALALUMPUR: Dewan Pemuda Pas mencabar Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew berdebat secara terbuka berhubung kenyataannya yang menyatakan masyarakat Cina Malaysia dipinggirkan.

Ketuanya, Salahuddin Ayubi mencabar Lee berdebat selepas tiada mana-mana pihak berbuat demikian walaupun kenyataan itu menimbulkan kemarahan rakyat negara ini.

"Oleh kerana tiada mana-mana pihak berbuat demikian, hari ini saya mencabar Lee berdebat dengan saya untuk buktikan benarkah masyarakat Cina di negara ini dipinggirkan.

Debat ini boleh diadakan di mana-mana saja termasuk di Singapura. Saya akan hantar surat cabaran ini melalui pejabat Pesuruhjaya Tinggi Singapura di sini," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco pergerakan itu di Taman Melewar, Gombak dekat sini, semalam.

Isnin lalu, Lee dalam suratnya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut diedarkan kepada media, menyatakan kesal atas ketidakselesaian Perdana Menteri berikutan kenyataannya bahawa masyarakat Cina Malaysia dipinggirkan secara sistematik pada 15 September lalu.